



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	18/2/2011

# Tiada rombakan Kabinet: Naiib

## Spekulasi dicetus hanya khabar angin semata-mata

Oleh Faiza Zainudin  
faiza@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam menyangkal spekulasi kononnya beliau akan melakukan rombakan Kabinet sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13, tidak lama lagi.

Perdana Menteri yang tertanya siapa mencetuskan khabar angin sedemikian berkata, rombakan Kabinet boleh dilakukan pada bila-bila masa atau tidak diadakan langsung.

"Siapa yang reka khabar angin ini, rombakan Kabinet boleh diadakan pada bila-bila masa, ia boleh diadakan atau tidak perlu diadakan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Pemantapan dan Pemasarakatan Dewan Negara di Parlimen, semalam.

Sempena majlis itu, forum bertajuk 'Cabaran Semasa Sistem Demokrasi dan Perlembagaan Negara Malaysia ke Arah Pencapaian Wawasan 2020' diadakan disertai tiga ahli panel iaitu bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohamed Hanif Omar dan Pengerusi Yayasan IMalaysia, Prof Dr Chandra Muzaffar, manakala moderator forum,

Pengerusi Media Prima, Datuk Johan Jaafar.

Perdana Menteri berkata, demikian ketika diminta mengulas spekulasi tersebar dalam portal berita kelmarin sehingga mencetuskan kekalutan di kalangan pengamal media dan ahli politik.

Portal-berita melaporkan terdapat dua timbalan menteri akan dinaikkan pangkat iaitu Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir manakala Presiden MIC, Datuk G Palanivel yang juga Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi turut dilantik sebagai menteri.

Mengenai tindakan kerajaan DAP Pulau Pinang menubuhkan portfolio baru untuk menjaga hal ehwal bukan Islam yang bertanggungjawab ke atas perkara memabitkan agama Buddha, Taoisme, Kristian, Sikh dan Hindu, Perdana Menteri berkata pihaknya sedang mengkaji penubuhan badan itu dari sudut perlembagaan serta bidang skop portfolio.

Kelmarin, Ketua Menteri-nya, Lim Guan Eng dalam kenyataan berkata, portfolio pertama kali diperkenalkan itu tidak menyalahi undang-



NAJIB bersalaman dengan Dr Mahathir sambil diperhatikan Johan selepas menyampaikan ucapan perasmian pada Program Pemantapan dan Pemasarakatan Dewan Negara di Parlimen, semalam.

undang malah membuktikan keikhlasan kerajaan negeri terhadap perkara berkaitan keagamaan.

Ditanya kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat yang sanggup mengkafirkan orang Islam UMNO dan bekerjasama dengan campuran pakatan pembangkang semata-mata untuk memenangi pilihan raya, Najib enggan mengulas lanjut.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, demokrasi di Malaysia terus subur dengan menyaksikan parti pemerintah kehilangan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat dan kehilangan pentadbiran di lima negeri.

Malah, katanya, demokrasi yang terlalu subur di negara ini turut mencabar sistem demokrasi berparlimen berikutan terdapat pihak yang cuba mengambil kesempatan atas kepentingan mereka.

"Tidak ada sebab mengapa kita perlu 'apologetik' dengan demokrasi di Malaysia kerana demokrasi diamalkan sesuai dengan tahap pembangunan sedia ada dan mampu membawa kepada lonjakan pembangunan nasional seterusnya.

"Kita ada demokrasi, kadang-kadang kita lihat terlebih demokrasi, sehingga boleh beri ceramah tiap-tiap malam, laman sosial saya pun mereka (ambil kesempatan) hentam," katanya.